

**NO. SOALAN : 427**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan bantuan yang boleh diberikan oleh Kementerian untuk menjayakan Tahun Melawat Kedah 2016.**

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia membantu setiap negeri melalui pelbagai program yang digariskan di bawah pelan jangka sederhana dan panjang serta kalendar tahunan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10 [2011-2015]) dan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11[2016-2020]), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menaik taraf dan meningkatkan kemudahan produk-produk pelancongan di negeri Kedah bagi mengindahkan serta memberi lebih keselesaan kepada para pelancong.

Projek pelancongan di Negeri Kedah di bawah RMKe-10 berjumlah RM4.7 juta yang meliputi peningkatan kemudahan pelancongan di Gunung Jerai iaitu sebanyak RM2.2 juta dan projek menaik taraf prasarana Taman Agroteknologi MARDI Langkawi, Kedah sebanyak RM2.5 juta. Projek RMKe-11 pula melibatkan, peningkatan kemudahan pelancongan di Dataran DiRaja, Alor Setar, Kedah berjumlah RM9.5 juta.

Sehubungan itu, projek-projek yang telah siap akan diserahkan kepada Agensi Pemilik. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi Pemilik untuk mengurus, menyelenggara dan membaik pulih projek pelancongan dan kebudayaan yang telah diserahkan untuk memastikan produk pelancongan dapat digunakan dengan selamat dan selesa oleh pelancong/pengunjung.

Di dalam kalendar tahunan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga menyenaraikan pelbagai acara mengikut negeri. Acara-acara tersebut dirancang dan dipromosikan melalui pelbagai media seperti media elektronik dan media cetak melalui agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri Kedah dalam mempromosikan kempen *Discover Kedah 2016* yang mensasarkan seramai 5 juta pelancong (3.5 juta pelancong ke Pulau Langkawi dan seramai 1.5 juta pelancong ke Tanah Besar Kedah) melawat ke negeri Kedah pada tahun 2016.

Usaha sebegini dapat merancakkan lagi aktiviti pelancongan domestik kepada Negeri Kedah khususnya. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya, Tourism Malaysia akan bekerjasama dan memberi bantuan dalam menjayakan kempen *Discover Kedah 2016*. Tourism Malaysia akan menjalankan kempen tersebut pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Bagi kempen *Discover Kedah 2016* di peringkat domestik, Tourism Malaysia Kedah bergiat secara aktif bersama-sama dengan Sekretariat Discover Kedah dalam mempromosikan produk dan aktiviti pelancongan negeri sempena dengan kempen *Discover Kedah 2016*. Tourism Malaysia juga telah menawarkan ruang promosi di semua pameran kepada Kerajaan Negeri Kedah seperti *Malaysia Inbound Travel Association Tourism Fair* pada 29-31 Januari 2016 di Pusat Persidangan Kuala Lumpur (KLCC), *Cuti-Cuti 1Malaysia Dekat Je Travel Mart* dan *Travel Fair 2016* di Johor Bahru pada 25-28 Februari 2016 di Johor

Baru, MATTA Fair (bulan Mac dan September 2016) dan pelbagai lagi pameran dan misi jualan dalam Negara.

Selain itu, Tourism Malaysia turut membantu dalam mengenalpasti dan mengadakan sesi *networking* promosi negeri yang melibatkan penggiat industri pelancongan seperti agensi pelancongan, hotel, pengusaha *homestay* dan lain-lain lagi. Tourism Malaysia juga mempromosikan acara-acara Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tourism Malaysia di seluruh dunia dan juga di Pejabat-Pejabat Negeri.

Tourism Malaysia juga membantu mempromosikan Negeri Kedah melalui Kempen Pengiklanan Global Pengiklanan, Kempen Pengiklanan Ad-Hoc, Kempen Pengiklanan Taktikal dan Kempen Pengiklanan Digital Tourism Malaysia yang dijalankan di dalam dan di luar negara.

Bagi kempen *Discover Kedah 2016* peringkat antarabangsa pula, Tourism Malaysia menyediakan platform bagi penggiat industri pelancongan untuk turut serta dalam misi jualan, pameran dan ekspo pelancongan antarabangsa seperti di *World Travel Mart* (London), *Internationale Tourismus-Börse* (ITB Berlin), *International Travel Expo* (ITE), *Vietnam International Travel Mart*, *China International Travel Mart*, *Korea World Travel Fair*, *Taipei International Travel Fair* dan lain-lain lagi.

Tourism Malaysia juga turut mengundang wakil-wakil agensi pelancongan dan pengamal media daripada luar negara melalui Program Suai Kenal (*Mega Fam*) sempena dengan acara-acara utama atau *signature event* di peringkat Negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.